

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR
PERASMIAN SEMINAR "PERANAN WANITA DALAM PENCAPAIAN
WAWASAN 2020"
29 OGOS 1992

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-dif Kehormat; Puan-puan, peserta seminar dan hadirin yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita berkumpul pada pagi ini untuk meneruskan lagi tugas dan tanggungjawab kita meningkatkan peranan, status dan imej wanita dalam pembangunan negara. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi mengundang saya untuk berucap di majlis ini.

2. Perjuangan kita dalam meninggikan taraf wanita di negara ini telah dipenuhi dengan berbagai-bagai rintangan dan cabaran yang berjaya kita harungi. Tahun ini, genaplah

30 tahun lamanya kita bergelut dengan berbagai-bagai dugaan dan pancaroba terhadap wanita. Dengan usia sematang ini sudah tibalah masanya untuk kita merenung kembali hari-hari lepas bagi menilai dan mengukur sejauh manakah usaha yang telah kita curahkan itu selama ini membawa hasil yang diharap-harapkan. Dengan itu dapatlah kita mengambil iktibar daripada pengalaman lalu untuk membantu kita mengorak langkah baru. Seminar yang diadakan pada hari ini bertepatan dengan suasana negara yang kini sedang meletakkan asas-asas untuk mencapai kemajuan pesat menjelang tahun 2020 di samping bersempena dengan Sambutan Hari Wanita. Saya berharap pencernaan pemikiran oleh puan-puan akan membuahkan hasil yang memanfaatkan seluruh kaum wanita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kejayaan kaum wanita dalam pelbagai bidang di negara ini tidak lagi boleh dinafikan. Dengan dasar pragmatic Kerajaan dan usaha yang bersungguh-sungguh dari pertubuhan- pertubuhan wanita, khasnya NCWO, banyak isu dan masalah yang menghimpit dan menyelubungi hidup wanita telah disingkap dan dibongkar. Hasil daripada itu, pelbagai strategi dan langkah wajar telah diambil bagi memperbaiki keadaan dan mengatasinya. Hari ini, rata-rata wanita kita merasa bangga dengan taraf dan kedudukan mereka. Ramai wanita kini telah berani tampil ke depan dalam pelbagai bidang dan usaha. Mereka terlibat dan terlibat dalam pelbagai sector pembangunan. Dibandingkan dengan wanita di negara-negara membangun yang lain, wanita di Malaysia, baik di bandar atau di luar bandar, telah bergerak jauh lebih maju. Mereka berjaya keluar daripada cengkaman kemiskinan dan kepayahan hidup.

4. Bagaimanapun, kita tidak harus berpuashati dengan pencapaian kita setakat ini. Masih banyak yang kita boleh lakukan dan harus tempuhi. Kepsatan pembangunan banyak mengubah keadaan dan meninggalkan kesan yang tidak sedikit ke atas peranan dan tanggungjawab wanita. Perubahan-perubahan yang baru muncul dan wujud dalam masyarakat kita menuntut kaedah dan pendekatan terhadap keprihatinan dan masalah wanita diubahsuai, agar selaras dengan aspirasi negara dan rakyat keseluruhannya. Pengubahsuaian akan mengelakkan kita daripada terperangkap atau gagal dalam mencapai wawasan kita.

5. Semenjak kebelakangan ini, Kerajaan kita sedang menggalakkan pencernaan Wawasan 2020 yang menggaris panduan hasrat dan impian negara untuk membentuk dan mewujudkan satu bangsa yang maju yang menyeluruh dan seimbang, baik daripada segi ekonomi, politik, sosial, rohani, emosi dan budaya. Perjuangan kita harus berlandaskan nilai-nilai yang telah ditetapkan itu, agar perkembangan kita tidak menyeleweng dan berat sebelah.

6. Bagi mencapai hasrat itu, kita harus mula bergerak dari sekarang. Kelewatan melaksanakan tanggungjawab ini akan menyebabkan kita menghadapi masalah-masalah pembangunan sepertimana yang telah menimpa banyak negara barat. Kita harus sedar bahawa wanita merupakan sumber kekayaan negara yang tenaganya boleh digunakan di bidang-bidang pembangunan yang masih belum diterokai dan yang memerlukannya. Untuk lebih berjaya dan berdikari, mereka harus peka dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Dengan cara ini, wanita akan dapat menghayati peranan yang boleh mereka mainkan dalam pembangunan negara. Mereka tidak lagi harus membelenggu diri dalam kejahilan. Pendidikan dan ilmu harus diutamakan oleh mereka kerana ilmu adalah wadah untuk pembentukan peribadi dan destinasi manusia. Ia begitu penting untuk membantu meningkatkan nilai diri dan imej wanita ke arah pembentukan diri yang lebih positif. Wanita harus membina dan mengeksploitasi potensi dan bakat yang ada dalam diri mereka bagi melahirkan satu bangsa yang cemerlang dalam erti kata sebenarnya.

Puan-puan sekalian,

7. Saya percaya seminar "Peranan Wanita Dalam Pencapaian Wawasan 2020" pada hari ini akan dapat menghasilkan perancangan dan pelaksanaan yang lebih tersusun dan kemas bagi faedah pembangunan kaum wanita. Skop dan matlamat negara yang diadunkan ke dalam Wawasan 2020 mencakupi segala bidang keutamaan yang harus wujud dalam negara kita. Wawasan 2020 menyerlahkan kepentingan dan penekanan negara terhadap pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni dan seimbang daripada segala aspek. Dengan itu, suka saya mengingatkan bahawa dalam keghairahan kita mengejar dan memburu kekayaan dan kebendaan dunia, penekanan terhadap soal-soal kekeluargaan dan keibubapaan janganlah pula diketepikan. Ibu bapa merupakan tunggak dan pemandu kepada sahsiah anak-anak. Mereka seharusnya membawa contoh dan sikap terpuji dalam keluarga. Kita harus insaf bahawa keluarga yang lemah dan goncang akan melahirkan generasi yang pincang dan tempang.

Kepincangan ini akan membawa kesan yang negatif terhadap pembangunan dan perkembangan masyarakat keseluruhannya.

8. Kita tidak mahu masyarakat dan negara kita terjerumus ke dalam kancah keburukan seperti ini. Jadi, kita mesti berusaha dari sekarang memperbaiki dan membetulkan apa yang tidak kena. Kita harus sedar bahawa konsep negara maju yang kita cita-citakan bukanlah terbatas kepada dimensi kebendaan dan pembangunan fizikal semata-mata. Kita harus membentuk dan mewujudkan insan dan individu yang seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, jasmani dan emosi. Wanita mempunyai peranan penting dalam mewujudkan dan membentuk generasi yang kita cita-citakan itu. Ibu bapa berperanan meletakkan nilai-nilai murni dan pembentukan konsep diri yang lebih positif dan bermakna kepada anak-anak mereka. Adunan nilai-nilai murni yang kita serapkan ke dalam jiwa generasi kita akan membantu membentuk aliran hidup yang baik seluruh masyarakat bangsa dan negara.

9. Sekali lagi saya berharap seminar ini akan dapat merangsangkan perancangan dan pelaksanaan untuk mengoptimumkan potensi wanita ke arah melahirkan satu kaum yang lebih progresif dan dinamik. Sama-samalah kita meneruskan jalan yang telah dirintis oleh rakan-rakan terdahulu daripada kita dengan semangat perpaduan dan kerjasama.

10. Dengan pesanan itu, dengan ucapan bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Seminar "Peranan Wanita dan Pencapaian Wawasan 2020" ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.